



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [kpkt\\_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(60)

Tarikh : 9 Mac 2013

## SIARAN MEDIA

### **PPR TAMAN KINARUT RIA BERNILAI RM54.89 JUTA SIAP DIBINA UNTUK RAKYAT BERPENDAPATAN RENDAH TERMASUK OKU DAN IBU TUNGGAL**

Kota Kinabalu, 9 Mac 2013 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan majlis penyerahan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Kinarut Ria yang bernilai RM54.89 juta pagi ini yang memberi peluang kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal untuk mendiami PPR ini. PPR Taman Kinarut Ria ini adalah komitmen Kerajaan Persekutuan bagi setinggan dan berpendapatan rendah termasuklah OKU dan ibu tunggal untuk mendiami rumah yang selesa, mempunyai fasiliti perumahan yang mencukupi dan berkualiti. PPR yang mampu disewa dengan harga RM150 oleh penduduk setinggan yang berpendapatan rendah ini, diharap dapat memperbaiki mutu kehidupan rakyat sejajar dengan kepesatan arus pembangunan negara dan program sifar setinggan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah membina Projek PPR Taman Kinarut Ria ini di atas tanah seluas 14.4 ekar. Kontraktor pembinaan Imej Sutera Sdn. Bhd telah bermula projek ini pada 19 Mac 2007 dan siap sepenuhnya serta memiliki Perakuan Siap Menduduki (OC) pada 16 Mac 2012. PPR Taman Kinarut Ria ini merangkumi dari 8 blok rumah pangsa 4-5 tingkat yang menempatkan 725 unit rumah (10 unit untuk Orang Kurang Upaya (OKU) di blok F), 2 unit taman permainan, 1 unit surau, 5 unit kedai, 2 bilik serbaguna, 1 unit tadika dan 1 unit dewan.

Di negeri Sabah, sehingga kini Kerajaan telah melaksanakan 27 projek melibatkan 19,491 unit. Sebanyak 15 projek telah disiapkan iaitu melibatkan 13,256 unit. Manakala 12 projek lagi masih dalam peringkat pelaksanaan iaitu:

1. PPR Kg. Kiansom Besar, Inanam (1,000 unit)
2. PPR Bukit Padang, Kota Kinabalu (775 unit)

3. PPR Jalan Upper, Kudat (500 unit)
4. PPR Kunak (400 unit)
5. PPR Keningau (300 unit)
6. PPR Batu 2 ½, Bubul Lama, Semporna (832 unit)
7. PPR Selagon, Beaufort (67 unit)
8. PPR Jalan Lintas Sibugar (500 unit)
9. PPR Pekan Muhibbah (500 unit)
10. PPR Kg. Ketiau, Putatan (696 unit)
11. PPR Kg. Meruntum, Putatan (500 unit)
12. PPR Batu Sapi, Sandakan (500 unit)

Terdapat 5 projek PPR dimiliki di Negeri Sabah masih dalam proses perancangan yang melibatkan 3,058 unit bagi projek baru RMK10 *Rolling Plan* Pertama dan juga projek baru RMK10 untuk tahun 2013. Ini merupakan antara 45 projek PPR baru 2013 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2013 baru-baru ini. Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah mensasarkan keseluruhan pembinaan sebanyak 103,989 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat di seluruh Negara. Dari jumlah tersebut sebanyak 67,886 unit telah siap dan sebanyak 36,103 unit masih dalam pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukkan yang besar bagi melaksanakan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara di mana sebanyak RM 2.517 billion telah disediakan di bawah RMKe-9. Manakala dalam '*Rolling Plan*' Pertama dan '*Rolling Plan*' Ke-2 RMKe-10, KPKT telah menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek sambungan dan baru PPR Disewa sebanyak RM 991.37 juta Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan bagi '*Rolling Plan*' Ke-3, '*Rolling Plan*' Ke-4 dan '*Rolling Plan*' Ke-5 bagi projek ini.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)

